

**SOALAN LAZIM**  
**PROGRAM PERANTISAN DI BAWAH PENJANAKERJAYA 2.0**  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**No. 1 / 2021 | 29 Mac 2021**

**1. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Perantisan PERKESO?**

- Program Perantisan PERKESO merupakan program di bawah Kementerian Sumber Manusia (PERKESO) bagi memberi pengalaman bekerja jangka pendek sepenuh masa kepada para belia sekurang-kurangnya 3 hingga 6 bulan (diumumkan pada 17 Mac 2021 di bawah inisiatif PEMERKASA)
- Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia dalam alam pekerjaan melalui latihan *On-The-Job-Training* bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka.

**2. Apakah penambahbaikan kepada Program Perantisan PERKESO di bawah inisiatif PEMERKASA?**

- Di bawah inisiatif PEMERKASA, tempoh program perantisan telah dilanjutkan dari 3 bulan kepada 6 bulan pada kadar yang dikurangkan sebanyak RM800 sebulan bagi setiap perantis yang digajikan.
- Berikut merupakan ringkasan pilihan insentif bagi program perantisan di bawah **PEMERKASA**:

| No. | Pilihan  | Tempoh      | Insentif (sebulan)                             |
|-----|--|-------------|--|
| 1.  | Program Perantisan yang asal                       | 3 bulan     | RM 1000  |
| 2.  | Program Perantisan yang baru                       | 6 bulan     | RM 800   |
| 3.  | Lanjutan Program Perantisan dari pemohon sedia ada | (3 bulan) + | RM 1000 bagi 3 bulan pertama dan <b>RM 600</b> |

|  |  |                             |                                    |
|--|--|-----------------------------|------------------------------------|
|  |  | <b>3 bulan<br/>lanjutan</b> | untuk baki 3 bulan<br>selanjutnya. |
|--|--|-----------------------------|------------------------------------|

**3. Adakah majikan yang pada awalnya membuat permohonan untuk 3 bulan perantisan dan sedang menerima insentif pengambilan pekerja boleh menerima lanjutan sehingga 3 bulan tambahan di bawah inisiatif PEMERKASA?**

- Ya. Majikan boleh mengemukakan permohonan lanjutan sebanyak RM600 untuk baki 3 bulan selanjutnya menerusi [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my).

**4. Adakah majikan yang memilih untuk 6 bulan perantisan dan kemudian mengambil perantis berkenaan bekerja bagi kategori di bawah umur 40 tahun atau Malaysianization boleh membuat tuntutan insentif selanjutnya?**

- Tidak. Faedah yang boleh diterima oleh majikan menggajikan pekerja di bawah insentif pengambilan pekerja adalah sehingga maksimum 6 bulan sahaja.

**5. Siapakah yang layak memohon program ini?**

- Majikan yang menggajikan seseorang graduan atau lepasan sekolah yang berumur di antara 18 – 30 tahun;
- Calon yang digajikan hendaklah merupakan dari kalangan lepasan sekolah dan graduan yang masih menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.
- Majikan boleh menggajikan mana – mana Perantis yang mengikuti Program Perantisan yang dilaksanakan oleh syarikat dan badan-badan berkanun yang dasingkan saran daripada Sistem Saraan Kerajaan.

**6. Siapakah yang tidak layak memohon di bawah program ini?**

- Syarikat yang mengambil pelajar menjalani Latihan Industri (Internship)
- Pelajar yang masih belum tamat pengajian
- Bukan warganegara

**7. Adakah syarikat perlu berdaftar dan mengiklankan kekosongan pekerjaan bagi perantisan di portal MYFutureJobs?**

- Ya. Syarikat perlu berdaftar dan mengiklankan kekosongan jawatan bagi perantisan di Portal MYFutureJobs.

**8. Berapakah kadar bayaran elaun / gaji minimum yang perlu dibayar kepada perantis?**

- Majikan hendaklah membayar elaun / gaji minimum tidak kurang daripada RM1,200 sebulan mengikut tempoh perantisan
- Sekiranya majikan melaksanakan pengambilan perantisan secara kontrak/tetap dibawah dibawah kategori insentif umur bawah 40 tahun, majikan layak membuat tuntutan di bawah PenjanaKerjaya 2.0 (2021) bagi tempoh 3 bulan sahaja mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan dibawah kategori ini, iaitu pembayaran gaji minima sebanyak RM 1,500 sebulan.

**9. Adakah perantis yang diambil bekerja di bawah Program Perantisan ini perlu mencarum dengan PERKESO?**

- Ya. Setiap perantis yang diambil bekerja di bawah program ini perlu mencarum dengan PERKESO.

**10. Bilakah tarikh tutup Program Perantisan di bawah Program PenjanaKerjaya 2.0?**

- Tarikh mula permohonan insentif Program Perantisan ini dibuka mulai 1 Januari 2021.
- Tarikh akhir permohonan adalah pada 30 Jun 2021.
- Sekiranya permohonan dibuat pada 30 Jun 2021, majikan layak membuat tuntutan bagi elaun / gaji bulan Julai, Ogos dan September 2021.

**11. Sekiranya perantis berkenaan diserap sebagai pekerja tetap, adakah majikan layak memohon insentif PenjanaKerjaya 2.0 di bawah kategori pekerja?**

- Ya. Majikan layak memohon insentif PenjanaKerjaya 2.0 dibawah kategori kurang daripada 40 tahun bagi tempoh maksima 3 bulan
- Majikan layak membuat permohonan bagi tambahan insentif 3 bulan hanya untuk Program Perantisan yang telah diluluskan sahaja.
- Di bawah Insentif PenjanaKerjaya 2.0, pekerja hendaklah dibayar gaji minimum tidak kurang daripada RM1,500, di mana majikan boleh memohon Insentif Pengambilan Pekerja di antara 40% hingga 60% daripada gaji yang ditawarkan tertakluk kepada had siling gaji maksimum RM10,000 sebulan

**12. Sekiranya perantis tidak dibayar elaun / gaji, kepada siapakah mereka boleh membuat aduan?**

- Perantis yang tidak dibayar elaun / gaji ataupun tidak diberikan latihan di tempat kerja, mereka boleh membuat aduan di PERKESO melalui emel [penjanakerjaya@perkeso.gov.my](mailto:penjanakerjaya@perkeso.gov.my).

**13. Bilakah Program Latihan PenjanaKerjaya 2.0 mula dilaksanakan dan siapakah yang layak mengikuti latihan?**

- Permohonan Program Latihan PenjanaKerjaya 2.0 oleh majikan boleh dilaksanakan mulai 1 Januari 2021 setelah majikan menerima kelulusan permohonan daripada PERKESO.
- Majikan dan perantis yang telah diluluskan di bawah Insentif PenjanaKerjaya 2.0 sahaja layak dipertimbangkan untuk mengikuti latihan.

**14. Apakah syarat kelayakan majikan untuk Program Latihan PenjanaKerjaya 2.0?**

- Majikan yang mengambil perantis di bawah PenjanaKerjaya layak memohon untuk pekerjaanya menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran berdasarkan keperluan pekerjaan atau perusahaan berkenaan.
- Hanya kursus yang dikenalpasti bersesuaian dengan keperluan industri akan diluluskan.
- Setiap perantis yang tersenarai di bawah PenjanaKerjaya 2.0 hanya boleh mengikuti 1 kursus sahaja.

**15. Apakah bidang kursus yang ditawarkan di bawah Program Latihan PenjanaKerjaya 2.0?**

- Program Latihan PenjanaKerjaya 2.0 adalah terbuka kepada semua bidang pekerjaan dan perusahaan seperti yang disenaraikan di laman sesawang <https://www.myfuturejobs.gov.my/ms/senarai-penyedia-latihan/>

**16. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan sekiranya permohonan latihan ditolak?**




- Majikan boleh membuat permohonan semula dengan memilih kursus yang bersesuaian mengikut keperluan industri bagi pertimbangan PERKESO.

**17. Adakah majikan / perantis perlu membuat sebarang pembayaran kepada Penyedia Latihan bagi tujuan permohonan latihan?**

- Tidak. Majikan / perantis tidak perlu membuat sebarang pembayaran kepada Penyedia Latihan.

**18. Bolehkah majikan / perantis membuat permohonan secara terus kepada Penyedia Latihan?**

- Tidak. PERKESO tidak melantik mana-mana agen untuk membantu majikan atau perantis membuat permohonan. Segala permohonan mestilah dilakukan oleh majikan sendiri melalui Portal PenjanaKerjaya sahaja
- Maklumat terperinci berkaitan Program Latihan PenjanaKerjaya 2.0 adalah seperti berikut :

| BUTIRAN  |  |
|--|--|
| PROGRAM LATIHAN PENJANAKERJAYA   |  |
|  KELAYAKAN YURAN  | Maksimum RM4,000                             |
|  TEMPOH LATIHAN   | Maksimum 30 hari                             |
|  JENIS PENSIJILAN | Sijil Kehadiran atau Pensijilan Professional |

**19. Bagaimana cara untuk membuat permohonan bagi Program Perantisan ini?**

- Majikan boleh mendaftar dan mengiklankan kekosongan bagi pengambilan perantis di portal MYFutureJobs di laman sesawang **[www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)** dan membuat permohonan insentif bagi Program Perantisan ini di laman sesawang <https://penjanakerjaya.perkeso.gov.my>

**Bagi sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 03-8091 5300 / 1-300-22-8000 atau e-mel kepada [penjanakerjaya@perkeso.gov.my](mailto:penjanakerjaya@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
31 MAC 2020**